

ABSTRAK

Kajian ini telah dijalankan untuk menentukan sejauhmana murid Tahun Lima menggunakan proses penyelesaian masalah perkataan melibatkan pecahan wajar. Proses penyelesaian masalah yang diteliti adalah memahami masalah, merancang strategi, melaksana strategi dan menyemak penyelesaian. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan strategi yang digunakan oleh murid Tahun Lima semasa menyelesaikan masalah perkataan yang melibatkan pecahan.

Sampel kajian terdiri daripada 30 orang murid Tahun Lima dari sebuah sekolah rendah di Bandar Klang. Mereka menjawab dua instrumen kajian dan daripada data yang diperoleh tiga orang subjek dipilih untuk ditemuduga secara individu. Instrumen kajian terdiri daripada satu set Ujian Penyelesaian Masalah yang mengandungi lapan belas item dan Soal selidik Tingkah laku Menyelesai Masalah yang mempunyai dua belas kenyataan. Temu duga individu turut dijalankan untuk memperoleh data yang boleh menyokong dapatan ujian dan soal selidik.

Data tentang tahap penggunaan proses penyelesaian masalah yang diperoleh dari ujian dianalisa berdasarkan pengskoran Rubrik Analitik. Data tentang proses menyemak penyelesaian telah diperoleh dari soal selidik dengan membina taburan frekuensi dan peratus. Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan proses penyelesaian masalah yang lengkap dan tidak lengkap serta jenis strategi yang diguna semasa menyelesaikan masalah bergantung kepada tahap pencapaian akademik murid.

PROBLEM SOLVING PROCESSES IN MATHEMATICS
BY PRIMARY YEAR FIVE PUPILS

ABSTRACT

This study was carried out to determine how far primary Year Five pupils use problem solving processes to solve word problems involving proper fractions. The problem solving processes that were focussed are, understanding of problem, planning of strategies, implementing strategies and checking the solution. This study also aimed to find strategies used by Year Five pupils when solving word problems involving fraction.

The sample consisted of thirty primary Year Five pupils from a school in Klang. The instruments comprise one set of Problem Solving Test consisting of eighteen items and one set of Questionnaire on Problem Solving Behaviours consisting of twelve statements. Interviews were also carried out to derive supporting data for the findings of the two research instruments.

The problem solving processes were analyzed using Rubric Analytic Score. Data on the processes of checking the solutions, which was derived from the questionnaire was analysed by calculating the frequency and the percentage. The findings show that the usage of problem solving processes resulting in getting complete solutions or incomplete solutions, and the types of strategies used when solving word problems depend on the academic achievements of the pupils.

How far
correlate with academic achievement?